

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN WAN HASAN BIN MOHD RAMLI
[DUNGUN]**

SOALAN :

Tuan Wan Hasan bin Mohd Ramli [Dungun] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menyediakan rangkaian jalur lebar yang lebih efisien.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

Kementerian dengan kerjasama Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah bekerjasama dengan pemberi perkhidmatan bagi melaksanakan transformasi atau migrasi rangkaian jalur lebar ke arah lebih efisien dan berkualiti tinggi. Ini termasuklah pelaksanaan projek jalur lebar yang menggunakan teknologi terkini ke arah 'All IP' atau Protokol Internet yang menyeluruh.

Sebagai contoh, projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dilaksanakan bagi menambah baik keseluruhan ekosistem jalur lebar talian tetap dengan penyediaan lebih daripada 1.5 juta sambungan berasaskan teknologi gentian optik di seluruh negara dengan kelajuan